

# MODEL-MODEL KONTEKSTUALISASI TEOLOGI STEPHEN B. BEVANS DAN KAITANNYA DENGAN DAKWAH ISLAM: SUATU TINJAUAN AWAL

(STEPHEN B. BEVANS' MODEL OF CONTEXTUAL THEOLOGY AND THEIR RELATION TO ISLAMIC DAKWAH: AN INITIAL OVERSIGHT)

RADZI, M. S. M.<sup>1\*</sup> – HASMIN, M. F.<sup>1</sup> – ESA, M. S.<sup>2</sup> – MARINSAH, S. A.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

<sup>2</sup> *Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

<sup>3</sup> *Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

*\*Penulis penghubung  
e-mail: shaukhiradzi[at]gmail.com*

(Received 15<sup>th</sup> December 2025; revised 24<sup>th</sup> March 2026; accepted 05<sup>th</sup> April 2026)

**Abstrak.** Kontekstualisasi teologi merupakan pendekatan yang penting dalam memahami bagaimana ajaran teologi dapat diaplikasikan dan relevan dalam berbagai budaya. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengeksplorasi model-model utama kontekstualisasi teologi yang diimplementasikan dalam budaya tertentu. Di samping menjelaskan bagaimana nilai dan praktik keagamaan dapat disesuaikan dengan budaya, keadaan sosial, dan latar belakang masyarakat yang berbeza-beza. Dalam pada itu, pengkaji cuba untuk mengaitkan ia dengan dakwah Islam. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, berdasarkan kepada kaedah perpustakaan dengan menganalisis dokumen seperti artikel, buku, tesis dan bahan rujukan berautoriti yang lain. Hasil kajian ini mendapati, model kontekstualisasi teologi tidak berfokus pada budaya semata-mata tetapi turut melihat aspek lain, seperti keperluan semasa dan permasalahan yang sedang dihadapi. Oleh sebab itu, model kontekstualisasi sememangnya memudahkan penyampaian dan penerimaan pesan teologi dalam kalangan masyarakat dengan menjadikan budaya dan isu yang sedang dihadapi sebagai jambatan untuk menyampaikan pesan teologi.

**Katakunci:** *dakwah, model kontekstual, Islam, budaya*

**Abstract.** This study aims to explore the main models of theological contextualization implemented in specific cultures. In addition, it explains how religious values and practices can be adapted to different cultures, social conditions, and backgrounds. The study also attempts to relate this to Islamic propagation (dakwah). To achieve this goal, the study uses a qualitative approach, based on library methods by analyzing documents such as articles, books, theses, and other authoritative reference materials. The results of this study found that the model of theological contextualization does not solely focus on culture but also considers other aspects, such as current needs and problems being faced. Therefore, the contextualization model facilitates the delivery and acceptance of theological messages among the community by making culture and current issues a bridge to convey theological messages.

**Keywords:** *dakwah, contextual model, Islam, culture*

## Pengenalan

Konsep kontekstualisasi teologi, adalah suatu pendekatan yang bertujuan untuk memudahkan pesan teologi disampaikan kepada masyarakat yang akan menerima berita teologi, berdasarkan karakteristik budaya dan latar belakang masyarakat itu sendiri (Mawikere dan Hura, 2023). Secara etimologi, kontekstualisasi berasal daripada

perkataan Latin, iaitu *contextus* yang bermaksud ‘penyusunan’ atau ‘hubungan’ (bahan yang telah disatukan) (Budiarto et al., 2024). Dalam bahasa inggeris pula kontekstualisasi disebut sebagai *contextualization*, iaitu ‘the process of considering something in relation to the situation in which it happens or exist’ (proses mempertimbangkan sesuatu dalam hubungan dengan situasi di mana ia berlaku atau wujud). Dalam kamus bahasa Melayu, istilah kontekstual bermaksud ‘yang berkaitan dengan atau menurut konteks’ (Kamus Bahasa Melayu, 2025a). Sehubungan itu, apabila ia dicantumkan dengan istilah teologi (disiplin ilmu yang mengkaji tentang konsep ketuhanan, merangkumi sifat, hubungan tuhan dengan manusia, doktrin keagamaan dengan berlandaskan pada sumber utama sesebuah teologi; Islam, al-Quran dan al-Hadith; Kristian, al-Kitab) (Atawolo, 2024; Afandi, 2013), maka wujudlah istilah kontekstualisasi teologi yang merujuk pada usaha untuk menyesuaikan pesan teologi dengan berpandukan keadaan semasa masyarakat penerima.

## **Dapatan dan Perbincangan Kajian**

### ***Model kontekstualisasi teologi***

Istilah kontekstualisasi teologi pertama kali diperkenalkan oleh Theological Education Fund (TEF) pada tahun 1972 (Tanudjaja, 2000). Secara ringkas, TEF adalah organisasi kekristianan yang berfokus pada pendidikan teologi di negara-negara Dunia Ketiga (Thomas, 2012). Oleh sebab itu, pada peringkat awal, konsep kontekstualisasi teologi cenderung kepada bagaimana supaya ajaran Kristian dapat diterapkan dalam konteks budaya dan sosial yang berbeza-beza berdasarkan kepada karakteristik struktur budaya masyarakat itu sendiri. Bagi menjawab persoalan tersebut, beberapa sarjana barat, mengusulkan beberapa model kontekstualisasi teologi, umpamanya Bevans (2009). Menurut Stephen B. Bevans dalam bukunya *Models of Contextual Theology*, terdapat enam model kontekstualisasi teologi, iaitu translation, antropology, praxis, syntesis, transcendental dan counter culture. Pun begitu, setiap model masing-masing mempunyai kekuatan dan kelemahannya tersendiri (Setiawan, 2024). Berikut merupakan perincian bagi setiap model adalah sebagaimana berikut.

### ***Translation Model (Model Terjemahan)***

Secara umumnya, model terjemahan adalah model pertama dan merupakan model paling tua dalam teologi kontekstual (Tangirerung, 2022). Terdapat beberapa sarjana lain, yang menyatakan model terjemahan juga dikenali sebagai model akomodasi (suatu model untuk membantu sesuatu yang baharu, menyesuaikan diri dalam situasi yang berbeza daripada situasinya yang asal) (Tangirerung, 2022). Selain daripada itu, banyak sarjana beranggapan bahawa, model terjemahan adalah model yang paling umum digunakan, dan setiap daripada model kontekstualisasi teologi adalah model terjemahan (Jelahu, 2016). Dalam model terjemahan, bukanlah bermaksud menterjemahkan perkataan demi perkataan daripada teks teologi asal ke dalam bahasa masyarakat penerima. Seperti, *mensa* dalam bahasa Latin diterjemah ke dalam bahasa Inggeris sebagai *table*, atau *meja* dalam bahasa Melayu (Tangirerung, 2022; Bevans, 2009). Namun, perkara yang dilakukan adalah, menterjemahkan intipitai ayat daripada teks teologi yang asal, ke dalam budaya masyarakat penerima yang bersesuaian dengan teks tersebut, agar ia lebih mudah untuk difahami oleh masyarakat penerima (Stephen B, 2002). Hal ini membawa maksud, model terjemahan, dilakukan pada konteks budaya

yang memiliki dasar di dalam ajaran teologi yang asal. Sekiranya budaya masyarakat penerima, bertentangan dengan teks teologi yang asal, maka ia tidak dapat diterjemahkan sebagai ajaran teologi tersebut (Tangirerung, 2022; Bevans, 2009).

Berdasarkan hal tersebut, jelas menunjukkan bahawa model terjemahan adalah sebuah model teologi kontekstual yang menjadikan teks teologi sebagai pondasi asas, untuk memahami budaya berbeza. Namun, tetap bertindak positif, menghargai budaya, pengalaman dan amalan sesebuah masyarakat yang pelbagai. Walau bagaimanapun, ia tetap mementingkan intipati ajaran dan tradisi amalan asal daripada teologi. Dengan memahami proses ini, teks teologi yang diterjemahkan ke dalam sesebuah budaya yang bersesuaian dengan ajaran teologi, hanyalah bertindak sebagai panduan, untuk memahami budaya masyarakat penerima daripada kaca mata teologi yang asal. Terdapat satu kajian menarik yang dilakukan oleh Tangirerung (2022), tentang memaknai ukiran suku Toraja di Sulawesi Selatan Indonesia, dengan menggunakan pendekatan model terjemahan. Berdasarkan kajian tersebut, beliau mendapati beberapa ukiran suku Toraja sememangnya dapat dilihat daripada sudut teologi Kristian, iaitu menterjemahkan ajaran Kristian melalui ukiran tersebut. Contohnya, ukiran Pa'Barreallo, yang bermaksud ukiran bulat yang berbentuk matahari. Daripada aspek bahasa Toraja Pa'Barreallo bermaksud ukiran berbentuk bulat menyerupai matahari. Sedangkan matahari itu bermaksud memberi kehidupan. Berdasarkan perkara ini, Tangirerung (2022), mengaitkan ia dengan sifat keadilan Yesus Kristus, iaitu ketika Yesus menyinarkan cahayanya, kepada sesiapa sahaja tanpa mengira status sosial, rupa paras, baik buruk seseorang itu. Kemudian ia mengaitkannya dengan teks Yohanes 1:4-5, iaitu "Yesus disebut terang yang bercahaya di dalam kegelapan, di dalam Yesus ada hidup dan hidup itu adalah terang manusia." Berdasarkan perkara tersebut, nyatalah melalui model terjemahan, didapati ukiran Pa'Barreallo mempunyai makna yang boleh diterjemahkan secara teologi (Tangirerung, 2022).

### ***Antropology Model (Model Antropologi)***

Berbeza dengan model terjemahan, yang mengutamakan teks teologi dalam memahami budaya luar, model antropologi pula, memfokuskan kepada jati diri pengamal teologi dalam konteks budaya tertentu yang berbeza daripada budaya pengamal teologi yang asal. Melalui model ini, dapat menjelaskan kesempurnaan sifat teologi yang boleh difahami dan diamalkan dalam konteks kepelbagaian budaya (Bevans, 2009). Dalam erti kata lain, setiap budaya manusia yang belum memeluk agama, tentunya mengandungi nilai-nilai yang bertepatan dengan intipati agama. Melalui model antropologi, nilai-nilai tersebutlah yang dijadikan sebagai medium untuk menyampaikan pesan agama. Agar ia diterima dan mudah difahami oleh masyarakat tersebut. Salah satu contoh implementasi model ini, dapat dilihat dalam kajian Manguju (2020), terhadap adat Masikka yang diamalkan dalam acara pemakanan oleh masyarakat Rante Balla di di Desa Ranta Damai, Sulawesi Selatan Indonesia, sebelum mereka memeluk Kristian lagi. Secara ringkasnya, Masikka adalah syair yang disenandungkan atau dinyanyikan oleh Pemangku Adat, kemudian diikuti oleh penyanyi lain (terdiri daripada masyarakat umum yang hadir dalam upacara tersebut), ketika terdapat anggota bangsawan iaitu Parengnge, Tomatua dan Bungalalan yang meninggal dunia.

Secara ringkas, Parengnge adalah jolokan bagi individu yang berperanan sebagai pemimpin tertinggi yang diangkat daripada keturunan bangsawan. Tomatua adalah individu yang berperanan sebagai hakim adat, dan Bungalalan adalah pemimpin Aluk

(agama). Sebelum jenazah golongan bangsawan ini dikebumikan, pemangku adat dan para hadirin akan melagukan syair Masikka. Berdasarkan kajian Manguju (2020), proses kontekstualisasi teologi berlaku apabila amalan melagukan atau menyanyikan ketika ada kematian, bertepatan dengan ajaran dalam Kristian. Melalui ayat Samuel 1:17-27, yang memperlihatkan Daud, pernah melagukan nyanyian ratapan semasa kematian Saul dan Yonatan. Kemudian, nyanyian ratapan tersebut, diajarkan kepada bani Yehuda untuk diamalkan dan diwariskan kepada generasi seterusnya. Kemudian pada Samuel 1:19-27, Daud memerintahkan supaya orang-orang juga meratapi kematian mereka. Selain daripada ayat tersebut, terdapat kisah lain berkaitan meratapi kematian jenazah dalam Kristian. Umpamanya, kisah Stefanus yang direjam kerana beriman kepada Yesus, sehingga ia mati. Jenazahnya diratapi oleh orang-orang yang menguburkannya (rujuk dalam Kis 7:54-60; 8:1-4; Mat 9:23). Berdasarkan keterkaitan ini, jelas bahawa adat Masikka iaitu syair yang dinyanyikan ketika ada kematian golongan bangsawan mempunyai asas di dalam ajaran Kristian. Oleh itu, ia dikekalkan dan digunakan sebagai jalan bagi menyampaikan ajaran Kristian.

### ***Praxis Model (Model Praksis)***

Berbeza dengan kedua-dua model sebelum ini yang cenderung pada pemerhatian, penelitian dan pemahaman terhadap budaya masyarakat setempat. Model praksis lebih tertumpu pada refleksi pemahaman teologi seseorang terhadap situasi semasa yang berlaku dalam masyarakat setempat (Laos, 2024). Disebabkan sifatnya ini, model praksis turut dikenali sebagai model teologi situasional, model ibadah sosial, model pembebasan ataupun teologi praktis (Mandagi, 2020; Bevans, 2009). Dalam erti kata lain, bagaimana pemahaman terhadap teologi dapat bertindak balas atau bereaksi pada keadaan semasa yang berlaku atau menimpa sesebuah masyarakat. Terdapat pelbagai contoh yang boleh diutarakan dalam model ini. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Laos (2024), tentang model praksis dalam merespon masalah perdagangan manusia di Nusa Tenggara. Selain daripada itu, turut dapat dilihat dalam kajian Manurung (2024) dalam menyingkapi permasalahan mahasiswa di Papua Kota Malang, menerusi model praksis dalam teologi kontekstual. Seterusnya dalam kajian yang mengkaji faktor-faktor perbezaan di antara mahasiswa urban Katolik dengan mahasiswa gereja di Kota Malang, berdasarkan model praksis teologi kontekstual. Sebagai contoh, menerusi kajian Denis Adigama, berhubung masalah pemerdagangan manusia, gereja-gereja bersolidariti dalam memainkan peranan untuk kembali menegaskan hak-hak asasi orang-orang yang diperdagangkan dan diseludupkan. Selain daripada itu, gereja turut bekerjasama dengan lembaga-lembaga dan pemerintah untuk memerangi permasalahan pemerdagangan manusia. Perkara ini, didasari dengan beberapa teks injil, antaranya Kej 1:27, tentang Tuhan menciptakan manusia semuanya menurut gambar-Nya. Seterusnya, Gal 3:36, iaitu tentang semua manusia adalah anak-anak Tuhan, dan Matius 22:39 iaitu, perintah mengasihi sesama manusia seperti mengasihi diri sendiri.

Selain itu, implementasi model ini turut dilihat tentang teologi pembebasan yang dilaksanakan oleh Farid Esack. Teologi pembebasan tersebut dilaksanakan sebagai respon terhadap penindasan masyarakat kulit hitam oleh rejim Pretoria dengan menafikan beberapa hak politik dan sosial mereka (dasar Apartheid) (Sakdan dan Othman, 2012). Perkara menarik dalam kajian ini adalah, walaupun teologi pembebasan (model praksis) ini diperkenalkan oleh sarjana Kristen, namun kajian ini cuba memperlihatkannya daripada sudut implementasi teologi Islam. Menurutnya, Islam sememangnya berkembang secara praksis sejak dari awal perkembangannya, iaitu untuk

menjawab dan merespon setiap permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat sama ada yang Muslim mahupun bukan. Dalam pada itu, tindakan Farid Esack yang menyeru gerakan pembebasan bagi kaum yang tertindas (kulit hitam) telah menarik perhatian daripada kalangan pemuka agama saat itu, termasuk institusi gereja. Beliau telah menafsir semula teks al-Quran, untuk mendapatkan bentuk baharu daripada teologi Islam yang berkembang di Afrika Selatan, agar mampu mendapatkan keadilan dan kebebasan bagi kaum yang tertindas.

### *Syntesis Model (Model Sintesis)*

Sintesis adalah istilah yang menggambarkan gabungan berbagai elemen atau informasi menjadi satu kesatuan yang koheren (Kamus Bahasa Melayu, 2025b). Menurut Bevans (2009), model sintesis dalam teologi kontekstual, bermaksud gabungan berbagai elemen dari teologi tradisional dan kontekstual untuk menciptakan pemahaman yang lebih holistik dan relevan dengan situasi sosial dan budaya yang ada. Sejalan dengan Mandagi (2020), yang menjelaskan model sintesis teologi adalah gabungan ibadah konvensional, etnik dan sosial. Selain daripada definisi tersebut, terdapat sarjana lain yang menjelaskan, sintesis adalah model jalan tengah, yang menekankan dan memfokuskan dua aspek, iaitu pengalaman masa lampau (teologi tradisi) dan pengalaman manusia masa kini (kontekstual) (Setiawan, 2024). Justeru, kekuatan utama daripada model ini, adalah kemampuannya untuk menjaga keseimbangan antara tradisi teologi yang asal dan konteks masa kini. Peraka ini, menjadikan ajaran teologi dapat berkembang sejajar dengan peredaran dan perubahan zaman (Setiawan, 2024). Berdasarkan definisi tersebut, terdapat beberapa contoh pengimplimentasian model teologi sintesis. Antaranya yang disebutkan, iaitu ketika Kosuke Koyama yang memberikan pewartaan Injil kepada golongan petani di Thailand. Berdasarkan Mat 15:21-28, yang menceritakan kasih sayang seorang ibu terhadap anak perempuannya yang sakit, memohon Yesus untuk menyembuhkan puterinya. Bersamaan dengan para petani Thailand, mereka juga terdiri daripada ibu-ibu yang berjuang untuk kehidupan dan nasib anak-anak mereka. Proses sintesis yang dilakukan oleh Kosuke Koyama adalah,ewartakan tentang berita Injil kepada golongan petani di Thailand, kemudian memberi makna perjuangan dalam konteks kehidupan mereka sebagai petani dan kasih sayang sebagai ibu kepada anak-anak mereka.

Contoh kedua, dapat dilihat ketika Paus Fransiskus cuba untuk menenangkan dan mengembalikan keberanian masyarakat di Itali, ketika menghadapi wabak Covid-19. Beliau mengutarakan ayat Mrk 4:35-41, iaitu tentang Yesus dan pengikut-pengikutnya menyeberang sebuah danau dengan menaiki sebuah perahu. Pada ketika itu, mereka ditimpa dengan sebuah badai besar, yang boleh menenggelamkan perahu yang dinaiki mereka. Menanggapi hal tersebut, para pengikutnya mulai ketakutan, lantas Yesus berkata, beriman dan taatlah kepada Tuhan, nescaya badai tersebut tidak akan mampu berbuat apa-apa kepada kalian. Berdasarkan ayat tersebut Paus Fransiskus, cuba untuk mengembalikan keberanian penduduk Itali, agar kembali taat dan beriman kepada Tuhan agar dilindungi daripada wabak Covid-19, dan kembali keluar bekerja seperti sedia kala. Berdasarkan kepada contoh tersebut, nyatalah bahawa model sintesis menekankan pentingnya integrasi antara ajaran teologi dengan pengalaman, realiti dan konteks semasa masyarakat di suatu tempat. Oleh itu, melalui model ini, ia dapat membentuk teologi yang lebih bersifat dinamik serta responsif terhadap setiap perubahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat.

### ***Transcendental Model (Model Transcendental)***

Istilah *transcendental* berasal daripada perkataan Latin, iaitu *transcendere*, bermaksud melewati ataupun mengatasi (Hidayah, 2020; Afnan, 2018). Dalam erti kata lain, *transcendental* adalah suatu bentuk penghayatan teologi sehingga mencapai tahap yang paling tinggi dalam berteologi. Berdasarkan makna tersebut, dalam disiplin teologi, istilah ini digunakan untuk merujuk suatu keadaan, di mana manusia berada di luar batasan pengalaman biasa atau empirikal (yang dapat diukur) (Hidayah, 2020). Dalam erti kata lain, manusia itu berada di luar dimensi dunia material (alam nyata; alam realiti) kerana memasuki dimensi lain yang lebih tinggi daripada dunia nyata iaitu alam kerohanian (Afnan, 2018). Sehubungan itu, keadaan *transcendental* dapat dicapai melalui beberapa tindakan. Pertama, meditasi secara mendalam. Melalui kaedah ini, individu akan cuba sedaya upaya untuk mencapai tahap kesedaran dan ketenteraman mental yang tinggi, dalam sebuah keadaan yang sangat tenang (Cleveland Clinic, 2020). Dalam proses ini, individu tersebut akan dipandu oleh seorang guru ataupun ahli teologi. Beliau akan diminta untuk memberi perhatian penuh kepada satu objek tunggal atau imej rohani, agar dia dapat mengalihkan perhatiannya daripada perkara-perkara lain pada dunia realiti.

Berdasarkan hal tersebut, salah satu contoh *transcendental* yang paling jelas adalah ibadah solat di dalam agama Islam. Melalui solat yang dilaksanakan secara khusyuk, ikhlas dan penuh tawaduk akan memberikan seseorang itu suatu perasaan yang sangat tenang, tenteram dan kedamaian yang mendalam. Sehingga, ia dapat merasai kehadiran Tuhan, sekaligus memberi mereka suatu pemahaman yang baharu tentang diri mereka sendiri dan memperbaiki hubungan mereka dengan Tuhan. Implikasinya, ketenangan dan khusyuk di dalam solat, akan mendidik seorang Muslim, untuk bersikap tenang pada setiap keadaan, terutama sekali ketika menghadapi ujian daripada Allah SWT (Hairunnaja, 2007). Dalam konteks agama lain pula, seperti Hindu, ia dapat dicapai melalui praktis yoga (Cleveland Clinic, 2020). Sehubungan itu, yoga yang dilakukan dengan cara tertentu, untuk mencapai suatu tahap yang disebut sebagai *Samadhi*. Dalam erti kata lain, *Samadhi* merujuk kepada suatu konsep dalam ajaran Hindu, tentang kesedaran tertinggi dalam keadaan rohani yang bersatu dengan alam semesta (*Sananda Samadhi*). Pada peringkat seterusnya, individu akan merasa seperti roh mereka telah berpisah daripada alam fizikal (*Sasmitha Samadhi*), dan pada peringkat yang paling tinggi individu akan merasa seolah-olah roh mereka telah bersatu dengan Brahman secara total (*Nirvikalpa Samadhi*) (Swapna dan Nagarajan, 2023). Natijahnya, *transcendental* adalah suatu konsep yang merujuk kepada sesuatu perkara atau pengalaman manusia yang melampaui batas dunia fizikal. Dalam erti kata lain, ia merupakan suatu proses atau praktis (dalam hal ini merujuk kepada proses atau praktis dalam teologi) yang mampu membawa individu ke tahap kesedaran yang lebih tinggi (hubungan rohani dengan alam, tuhan dan seumpamanya).

### ***Counter Culture Model (Model Budaya Tantangan; Budaya Tandingan)***

Berbeza dengan model terjemahan, antropologi, praksis dan sintesis yang bersifat positif terhadap budaya tempatan. Model budaya tantangan, cenderung bersifat negatif dan menolak amalan atau praktis budaya yang didapati bertentangan dengan ajaran teologi (Setiawan, 2024). Dalam erti kata lain, model budaya tantangan ini berperanan untuk menentang secara tegas terhadap budaya-budaya yang bertentangan dengan prinsip-prinsip teologi. Walau bagaimanapun, model ini bukanlah anti terhadap budaya,

namun ia beranggapan bahwa praktis manusia yang bertentangan dengan teologi, perlu diganti dengan sesuatu yang lebih suci dan murni berdasarkan teologi yang benar. Terdapat satu kajian signifikan yang mengimplementasikan model ini, yaitu kajian yang dilakukan tentang, analisis model budaya tandingan terhadap hukum adat perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat Toraja di Indonesia yaitu adat Rampanan Kapa. Berdasarkan kajian tersebut, beliau mendapati bahwa terdapat implementasi model budaya tandingan yang berlandaskan pada teks Ulangan 22:12-30 (Injil), yang membahas tentang hukum perkahwinan. Kemudian, ia menjadi panduan kepada masyarakat Toraja agar dapat melaksanakan istiadat perkahwinan dengan tertib. Namun, adat istiadat yang tidak bertentangan masih tetap berlaku dengan tetap memperkenalkan budaya mereka sendiri sebagai suatu entiti kebudayaannya.

Selain daripada itu, pada skop yang lebih besar, aplikasi model ini, dapat dilihat dalam sebuah gerakan teologi yang muncul di Amerika Latin pada pertengahan abad ke-20, yang dikenali sebagai gerakan Teologi Pembebasan atau Liberation Theology Movement. Secara ringkasnya, gerakan ini muncul sebagai satu tindak balas terhadap kemiskinan dan ketidakadilan sosial yang berlaku secara meluas di Amerika Latin. Penindasan dianggap sebagai suatu perkara yang bertentangan dengan ajaran teologi, maka ia perlu ditentang dan dihapuskan (Mali, 2016). Selain daripada itu, contoh aplikasi model ini, turut dapat dilihat dalam agama Islam yang menentang budaya dan fahaman LGBTQ (Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender, dan Queer) (Ali dan Zin., 2023). Ideologi LGBTQ yang membolehkan pertukaran jantina, perkahwinan dan hubungan kelamin sesama jenis sangat bertentangan dengan ajaran Islam. Perkara ini ditegah secara jelas dalam Islam melalui surah al-A'raf ayat 81, iaitu "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsu syahwatmu, bukan kepada wanita. Malah kamu ini adalah kaum yang melampaui batas." Sehubungan itu, berdasarkan perincian setiap model ini, maka jelaslah bahawa setiap model kontekstualisasi teologi mempunyai kecenderungan, peranan dan fokus yang berbeza-beza, dan tidak hanya tertumpu pada aspek budaya semata-mata sahaja. Justeru, hal ini menyebabkan proses mengkontekstualisasikan teologi, dapat dijalankan secara lebih sistematik dan holistik.

### ***Model teologi kontekstual dan dakwah Islam***

Daripada sudut etimologi, istilah dakwah berasal daripada perkataan Arab iaitu, **دَعَا** yang bermaksud panggil, ajak atau jemput. Manakala **دَعْوَةٌ** bermaksud panggilan, jemputan atau ajakan (Al-Munjid, 1988). Dalam Islam, dakwah adalah tugas yang dipertanggungjawabkan kepada setiap Muslim, iaitu untuk menyeru, mengajak dan menyampaikan kepada manusia tentang ajaran Islam. Perkara ini, berdasarkan kepada surah Al-Imran ayat 104, iaitu 'Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyeru kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang beruntung'. Dalam sebuah hadis sahih, riwayat imam al-Bukhari, Nabi Muhammad SAW bersabda 'Sampaikan daripadaku, walau sepotong ayat'. Dalam hadis sahih yang lain, riwayat imam Muslim, 'Demi Allah, apabila ada seorang sahaja yang mendapat petunjuk melalui dirimu, maka itu adalah lebih baik bagimu daripada unta merah'. Berdasarkan model kontekstual teologi Stephen B. Bevans, pengkaji mendapati, model-model tersebut diperkenalkan bertujuan untuk memudahkan proses penyampaian agama berdasarkan kepada budaya, situasi, keperluan dan konteks semasa masyarakat penerima. Motif ini secara umumnya sejajar dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl ayat 125, iaitu 'Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka

dengan cara yang baik'. Berdasarkan ayat tersebut, intipati dakwah ada tiga perkara. Pertama, mengajak manusia kepada Islam dengan hikmah dan kebijaksanaan. Kedua, dengan pelajaran yang baik (nasihat-nasihat yang baik). Ketiga, bantah dengan cara baik (berdebat, berdialog dan berbahas dengan lemah lembut). Berdasarkan ayat tersebut ia dapat dikaitkan dengan model kontekstualisasi teologi secara umum, sebagaimana berikut dalam Rajah 1.




**Rajah 1.** Dakwah dan model kontekstualisasi teologi.

Berdasarkan jadual tersebut, antara contoh model terjemahan yang dapat disaksikan kini, adalah penterjemahan al-Quran ke dalam bahasa Dusun Bunduliwan (bahasa Bunduliwan, merupakan bahasa Dusun standard yang kaya dengan kosa kata terutama dalam aspek kerohanian), iaitu salah satu bahasa etnik yang terdapat di negeri Sabah, Malaysia, pada tahun 2023 yang lepas. Hal ini bertujuan untuk memudahkan masyarakat Dusun pedalaman, khususnya yang tidak mahir berbahasa Melayu untuk mengetahui isi kandungan al-Quran menerusi bahasa mereka sendiri. Menurut Dr. Joseph, apabila al-Quran diterjemahkan ke dalam bahasa Dusun, etnik tersebut akan merasakan al-Quran juga diturunkan untuk mereka (Dahali, 2024).

Berdasarkan model antropologi, terdapat satu kajian menarik yang wajar untuk dijadikan contoh. Iaitu kajian yang dilakukan oleh Marinsah et al. (2019), tentang unsur kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat Bajau di Sabah. Menurut beliau, dalam adat kematian Bajau, terdapat adat memasang guris. Memasang guris adalah amalan yang dilakukan selepas selesai membaca talkin di kuburan. Garis tersebut berbentuk segi empat di samping memacakkan sebilah kayu kecil di tepi batu nisan (Marinsah et al., 2018). Menurut kepercayaan masyarakat Bajau Kota Belud Sabah, tujuan membuat garisan ini adalah untuk menghalang perbuatan jahat individu yang mengamalkan ilmu hitam daripada mengambil anggota tubuh si mati. Berdasarkan konteks budaya ini, Marinsah et al. (2019), membawakan pengalaman pengamal agama terdahulu dalam menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat Bajau di Sabah. Antaranya, yang disebutkan oleh Imam al-Suyuti dalam Luqt al-Marjan fi Ahkam al-Jan, melalui kisah Ibn Mas'ud dan beberapa orang sahabat bersama-sama Baginda SAW iaitu, "...maka aku keluar bersama Rasulullah SAW hingga ke hujung Makkah, dan aku melihat kepulan asap berhimpun. Baginda SAW membuat lakaran kepadaku, kemudian Baginda SAW bersabda: "Berdirilah di sini sehingga aku datang kepadamu". Maka aku pun berdiri di situ..". Berdasarkan hal tersebut, signifikan daripada lakaran berbentuk bulatan tersebut menunjukkan bahawa pemagar atau pendinding boleh dilakukan ke atas manusia dengan cara yang betul. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa amalan guris yang diamalkan oleh masyarakat Bajau, boleh

dilakukan dengan syarat tidak ada unsur mantera, syirik dan seumpamanya. Pun begitu, ia wajar ditinggalkan bagi memastikan tidak wujud ruang-ruang khurafat pada generasi yang seterusnya (Marinsah et al., 2019).

Bagi model praksis pula, juga terdapat kajian signifikan yang diapat dijadikan contoh dalam hal ini. Iaitu yang dilakukan oleh Mujahidin (2023), tentang kritik Asghar Ali Engineer terhadap teologi Islam Klasik. Berdasarkan kajian tersebut, beliau melontarkan pendapat tentang teologi pembebasan iaitu teologi praksis yang berguna untuk membebaskan umat manusia yang sedang tertindas, ketinggalan daripada aspek pendidikan, ekonomi, politik dan sosial. Menurut beliau, Islam adalah agama keadilan yang mempromosikan keadilan kepada setiap manusia. Berdasarkan kepada ayat al-Quran Surah an-Nisa ayat 58, ‘Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya menunaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil’. Dalam ayat yang lain, Surah al-Maidah, ayat 8, ‘Wahai orang-orang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa’. Dalam sebuah hadis sahih, riwayat imam Muslim, Baginda SAW bersabda, ‘Sesungguhnya orang-orang yang berlaku adil di sisi Allah kelak di atas mimbar-mimbar dari cahaya, iaitu orang-orang yang berlaku adil dalam menghukum, keluarga dan apa saja yang mereka urus.’ Sehubungan itu, berdasarkan prinsip-prinsip Islam ini, digunakan untuk mempromosikan keadilan kepada umat manusia atau masyarakat yang sedang ditindas. Di samping, dapat menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat tersebut (*Rajah 2*).



**Rajah 2.** Dakwah dan model kontekstualisasi teologi.

Model sintesis adalah menyatukan kefahaman Islam dengan kefahaman tempatan yang tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Manakala model budaya tandingan adalah menyingkirkan elemen-elemen yang bercanggah dengan prinsip Islam dalam amalan adat tersebut, sehingga ia boleh diteruskan dan diamalkan oleh masyarakat penerima. Perkara ini, dapat dilakukan melalui pendekatan nasihat, dialog dan hubungan kerjasama antara pendakwah dan juga pemuka atau pengamal adat tersebut. Dialog antara agama (Islam dengan kepercayaan tradisi atau Islam dengan agama lain seperti Kristian dan seumpamanya) bukanlah suatu larangan. Hal ini kerana, tuhan menjadikan fitrah manusia dalam suasana yang pluralistik (pelbagai) sama ada daripada aspek etnik, tradisi, ideologi, bahasa dan kepercayaan agama. Islam menyarankan agar manusia yang bersifat pluralistik ini, tetap hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Berdasarkan

kepada dalil Surah al-Hujurat ayat 13 iaitu, ‘Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, dan Kami menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu’. Oleh sebab itu, melalui dialog antara agama dan kepercayaan, ketenangan dan ketenteraman hidup dalam kalangan masyarakat plural akan tercapai (Rahim et al., 2011).

Sehubungan itu, antara contoh kajian model sintesis yang dapat diperhatikan adalah Marinsah et al. (2019), tentang adat kematian Bajau di Sabah. Dalam adat tersebut, masyarakat Bajau telah menokok tambah proses memandikan jenazah, dengan melibatkan penggunaan air santan. Pun begitu, penggunaan tersebut tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Menurut Marinsah et al. (2019), penggunaan santan termasuk dalam kategori nas umum, iaitu segala tumbuh-tumbuhan yang ada di dunia ini pasti ada khasiatnya sesuai dengan keadaan sesebuah masyarakat. Tambahan pula, ia bukan sinkretisme yang dilarang syarak, ia termasuk dalam urf sah, kerana terdapat nas lain yang menyokong amalan tersebut. Proses sintesis berlaku apabila, pengetahuan lokal masyarakat dipadukan dengan nas umum dairipada al-Quran, menghasilkan suatu kefahaman baharu yang lebih konkrit terhadap adat tersebut.

Akhir sekali, model budaya tantangan dapat dilihat dalam kajian Hasmin et al. (2022) tentang perubahan dan sinkretisme dalam amalan sogit tanah masyarakat dusun Islam Ranau. Secara umumnya, sogit adalah bahasa Dusun yang bermaksud ‘sejuk’ atau ‘menyejukkan’. Adat tersebut dilaksanakan ketika berlakunya pelanggaran adat. Dengan demikian, sogit iaitu sejuk digunakan untuk menyejukkan semula keadaan alam, yang panas akibat pelanggaran tersebut. Dalam pada itu, sogit terbahagi kepada beberapa jenis, salah satunya sogit kepanasan kampung. Dalam pelaksanaannya, sogit jenis ini melibatkan sembelihan binatang ternakan seperti lembu, kerbau atau babi. Menurut Hasmin et al. (2022), proses budaya tandingan ini berlaku apabila terdapat perkara yang bertentangan dengan prinsip Islam, iaitu sembelihan binatang seharusnya hanya diniatkan kepada Allah SWT semata-mata tanpa melibatkan entiti yang lain. Oleh yang demikian, unsur sembelihan yang bercanggah dengan prinsip Islam tersebut telah diharmonisasikan mengikut syariat Islam. Kemudian, pelaksanaan yang tidak bercanggah dengan prinsip hukum Islam dalam adat tersebut, seperti menyedekahkan daging sembelihan kepada masyarakat kampung, tetap diteruskan.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, model kontekstual teologi dalam dakwah Islam bertujuan untuk menyampaikan ajaran Islam, di samping mempertimbangkan konteks sosial, budaya dan latar belakang masyarakat yang dipilih untuk menerima dakwah Islam. Hal ini menunjukkan bahawa model kontekstualisasi adalah suatu pendekatan yang dinamik dan fleksibel, yang menekankan pemahaman mendalam tentang latar belakang masyarakat bagi memastikan dakwah lebih relevan dan mudah diterima.

## **Penghargaan**

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

## Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- [1] Afandi, M. (2013): Teologi Islam Menurut Al-Qur'an Dan Konsekuensinya Terhadap Kosmologi Modern. – *Journal Hermeneutik* 7(1): 69-82.
- [2] Afnan, D. (2018): Laku Tasawuf sebagai Terapi Psikospiritual. – *Jurnal Ilmu Komunikasi Efek* 1(1): 15p.
- [3] Ali, A., Zin, M. (2023): The History of Postmodernism and Its Impact on Muslim Lifestyle in Malaysia. – *Journal of Al-Tamaddun* 18(2): 217-229.
- [4] Al-Munjid (1988): *Al-Munjid Arabic Dictionary*. – Dar el-Machreq SARL Publishers 848p.
- [5] Atawolo, A.B. (2024): Apa Itu Teologi? – *Gita Sang Surya* 19(2): 2-8.
- [6] Bevans, S.B. (2009): *An introduction to theology in global perspective*. – Orbis Books 384p.
- [7] Budiarto, S.P., Nasution, A.W., Nurial, T.P., Haliza, S., Hassan, S.M. (2024): ANDRA MATIN: PENDEKATAN KONTEKSTUAL. – *Jurnal Arsitektur ZONASI* 7(1): 59-74.
- [8] Cleveland Clinic (2020): *Transcendental Meditation (TM)*. – Cleveland Clinic Web Portal 4p.
- [9] Dahali, R. (2024): Al-Quran Terjemahan dalam Bahasa Dusun Pertama di Dunia. – *Harian Metro Web Portal* 7p.
- [10] Hairunnaja, N. (2007): *Psikologi Ketenangan Hati*. – PTS Litera Utama 214p.
- [11] Hasmin, M.F., Marinsah, S.A., Sintang, S. (2022): Perubahan dan Sinkretisme dalam Amalan Sogit Tanah Masyarakat Dusun Islam Ranau Sabah: Perspektif Islam: The Changes and Syncretism in The Practice of Sogit Land in Dusun Society in Sabah: An Islamic Perspective. – *Sains Insani* 7(2): 40-46.
- [12] Hidayah, U. (2020): Laku Tasawuf Orang Tua Untuk Pencapaian Kecerdasan Moral Dan Spiritual Anak. – *TALIMUNA: Jurnal Pendidikan Islam* 9(2): 115-132.
- [13] Jelahu, T.T. (2016): Gagasan Kontekstualisasi Model Terjemahan Dalam Penguatan Katekese Umat. – *SEPAKAT-Jurnal Pastoral Kateketik* 2(2): 167-181.
- [14] Kamus Bahasa Melayu (2025a): "Kontekstualisasi". – Kamus Bahasa Melayu Web Portal 2p.
- [15] Kamus Bahasa Melayu (2025b): "Sintesis". – Kamus Bahasa Melayu Web Portal 2p.
- [16] Laos, D.A. (2024): Model Praksis Teologi Kontekstual dalam Merespon Perdagangan Manusia di Nusa Tenggara Timur. – Universitas Kristen Duta Wacana 120p.
- [17] Mali, M. (2016): Gutierrez dan teologi pembebasan. – *Orientasi Baru* 25(1): 19-36.
- [18] Mandagi, L.Y. (2020): Kontekstualisasi Ibadah Sebagai Usaha Kontekstualisasi Teologi. – *Titian Emas* 1(1): 59-65.
- [19] Manguju, Y.N. (2020): Nilai Teologis Masikka': Sebuah Ritus di Rantai Damai. – *BIA': Jurnal Teologi dan Pendidikan Kristen Kontekstual* 3(1): 114-127.
- [20] Manurung, B.K. (2024): Upaya Kontekstualisasi Musik Gondang dalam Liturgi Huria Kristen Batak Protestan. – Universitas Kristen Duta Wacana 17p.
- [21] Marinsah, S.A., HAJIMIN, M.N.H., Ramli, M.A. (2019): UNSUR KEARIFAN TEMPATAN DALAM ADAT KEMATIAN MASYARAKAT BAJAU DI SABAH: ANALISIS DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM: Local Wisdom Elements on Death Ritual among Bajau Ethnic in Sabah: An Analysis from the Islamic Perspective. – *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)* 29: 20p.
- [22] Marinsah, S.A., Ramli, M.A., Meerangani, K.A., Sabdan, M.S. (2018): Pengambilkiraan 'Urf dan Adat Dalam Fatwa Semasa: Analisis Terhadap Adat Kematian Bajau di

- Sabah: 'Urf and Customs Determination in Fatwa: An Anlysis on Death Ritual Among Bajau Ethnic in Sabah. – *Journal of Fatwa Management and Research* 12(1): 73-91.
- [23] Mawikere, M.C.S., Hura, S. (2023): Studi mengenai karakteristik budaya dan multi wajah model teologi kontekstualisasi Injil. – *Jurnal Teologi Berita Hidup* 5(2): 468-494.
- [24] Mujahidin, M.S. (2023): Kritik Asghar Ali Engineer Terhadap Teologi Islam Klasik. – *Tasamuh: Jurnal Studi Islam* 15(1): 152-171.
- [25] Rahim, R.A.A., Ramli, M.A., Ismail, P. (2011): DIALOG ANTARA AGAMA: REALITI DAN PROSPEK DI MALAYSIA. – *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies* 29(2): 91-110.
- [26] Sakdan, M.F., Othman, M.F. (2012): Pengenalan kepada pengurusan konflik antarabangsa. – UUM Press 242p.
- [27] Setiawan, D.E. (2024): Resensi Buku: Model-Model Teologi Kontekstual. – *FIDEI: JURNAL TEOLOGI SISTEMATIKA DAN PRAKTIKA Учредители: Sekolah Tinggi Teologi Tawangmangu* 7(2): 431-441.
- [28] Swapna, J.K., Nagarajan, K. (2023): Time to teach age old values yamas and niyamas as part of value education to school children. – *Journal of Human Values* 29(3): 222-243.
- [29] Tangirerung, J.R. (2022): Memaknai Ukiran Toraja Menggunakan Model Terjemahaman Steven B Bevans. – *Paulus Journal of Society Engagement* 3(2): 8-15.
- [30] Tanudjaja, R. (2000): Kontekstualisasi sebagai Sebuah Strategi dalam Menjalankan Misi: Sebuah Ulasan Literatur. – *Veritas: Jurnal Teologi dan Pelayanan* 1(1): 19-27.
- [31] Thomas, N.E. (2012): Teks-Teks Klasik Tentang Misi Dan Kekristenan Sedunia. – Jakarta: BPK Gunung Mulia 437p.